

SUMBANGAN ZAKAT TERHADAP PENDAPATAN NEGARA MALAYSIA

Noor Azizah Beddu¹
Mohd Ali Mohd Noor²

¹Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. ali@ukm.edu.my

Accepted date: 3 January 2018

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Beddu, N. A., & Noor, M. A. M. (2018). Sumbangan Zakat Terhadap Pendapatan Negara Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 01-10.

Abstrak: Pendapatan Negara (KDNK) merupakan petunjuk lazim kekayaan sesebuah negara. Namun, kaedah perbelanjaan yang digunakan bagi mengukur kekayaan negara hanya mengambil kira beberapa komponen utama perbelanjaan seperti penggunaan (C), pelaburan (I), perbelanjaan kerajaan (G) dan eksport bersih (X-M). Dalam Sistem Ekonomi Islam, perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membantu fakir miskin perlu diambil kira sebagai penggunaan (C) dalam pendapatan negara. Ini disokong oleh kajian literatur menunjukkan zakat merupakan satu instrumen penting yang mampu menyumbang kepada penggunaan dan akhirnya kepada pendapatan negara. Disebabkan belum ada satu kajian empirikal yang menunjukkan sumbangan zakat kepada pendapatan negara Malaysia, kajian ini dilakukan untuk memenuhi gap ini menggunakan kaedah ekonometrik; Ordinary Least Square (OLS). Kajian ini mendapati terdapat hubungan yang positif di antara zakat dan pendapatan negara Malaysia.

Kata Kunci: Pendapatan Negara, Zakat, OLS.

THE CONTRIBUTION OF ZAKAT TO NATIONAL INCOME IN MALAYSIA

Noor Azizah Beddu¹
Mohd Ali Mohd Noor²

¹Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. ali@ukm.edu.my

Abstract: *National Income (GDP) is a typical indicator of the wealth of a country. However, the expenditure method used to measure the country's wealth only takes into account some of the key components of expenditure such as consumption (C), investment (I), government spending (G) and net export (X-M). In the Islamic Economic System, expenditures incurred to assist the poor need to be taken into account as a (C) consumption in state revenue. This is supported by the literature study that zakat is an important instrument that can contribute to the consumption expenditure and ultimately to national income. Because there is no empirical study yet which shows the contribution of zakat to Malaysian income, this study is conducted to meet this gap using econometric methods; Ordinary Least Square (OLS). The study found that there was a positive relationship between zakat and Malaysian income.*

Keywords: *National Income, Zakat, OLS.*

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi merupakan peningkatan dalam nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah negara. Kadar pertumbuhan ekonomi yang positif menunjukkan pencapaian ekonomi adalah dalam keadaan yang lebih baik. Pertumbuhan ekonomi juga boleh diukur dengan beberapa cara seperti peningkatan dalam KDNK, ukuran KDNK perkapita, pekali Gini dan Keluaran Dalam Negara Hijau (GGDP).

Sistem ekonomi yang diamalkan oleh sesebuah negara memberi pengaruh yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Faisal & Suhaina (2010), nilai kekuatan dan kestabilan ekonomi merupakan tunjang kepada pembangunan sesebuah negara demi menjamin kelangsungan ekonomi yang stabil dan berpanjangan. Cabaran ini menjadi lebih besar khususnya kepada negara yang agen ekonominya berlatarbelakangkan masyarakat pelbagai kaum. Malaysia telah berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh secara berterusan sejak tiga dekad yang lalu, dengan kadar peningkatan tahunan secara purata 5.85%. Prestasi pertumbuhan yang berterusan ini diiringi oleh peralihan struktur yang ketara dalam ekonomi iaitu bermula dari tujahan terhadap komoditi utama kepada strategik perindustrian dan seterusnya transformasi ekonomi terbuka menerusi integrasi perdagangan dan kewangan yang luas. Hasil keterbukaan perdagangan, pertumbuhan ekonomi Malaysia pernah mencapai angka paling tinggi di rantau ini, iaitu mencecah sehingga 192% daripada KDNK pada tahun 2000.¹

Pertumbuhan ekonomi bukan semata-mata mementingkan pendapatan negara sahaja namun perlu mengambil kira taraf hidup rakyat terbanyak. Ukuran Pendapatan Perkapita tidak boleh dianggap sebagai pengukur mutlak agihan pendapatan yang seimbang. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia ke-9, pembentukan dasar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah dibentuk dengan kesedaran bahawa pengagihan pendapatan yang saksama dan peluang pemilikan kekayaan yang lebih besar adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta kestabilan sosial dan perpaduan negara. Pertumbuhan ekonomi merupakan daya penerak dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat, namun pertumbuhan ekonomi tidak dengan sendirinya menjamin manfaat pertumbuhan dinikmati secara saksama oleh semua lapisan masyarakat.² Keadaan ini menjamin pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dalam jangka masa panjang. Setiap tahun pemberian zakat kepada fakir miskin dikaji supaya ia menghampiri had kifayah dan mampu memenuhi sebahagian besar keperluan asas mereka.

Secara umumnya pemberian zakat menyumbang kepada penggunaan kelapan –lapan asnaf khususnya golongan fakir dan miskin. Lazimnya mereka mengguna sebahagian besar bantuan zakat tersebut dan secara makronya perbelanjaan mereka ini akan meningkatkan komponen C (perbelanjaan penggunaan) dalam KDNK. Seperti yang sedia dimaklumi, komponen C merupakan penyumbang utama dalam pengukuran pendapatan dan kekayaan negara. Sekiranya bantuan zakat boleh menyebabkan golongan fakir miskin mempunyai lebih dari pendapatan dan ianya disimpan, maka ia sedikit sebanyak membantu meningkatkan tabungan negara yang akhirnya menyumbang kepada pelaburan. Perbelanjaan Pelaburan (I) juga merupakan komponen penting dalam pengukuran pendapatan negara.

Secara khususnya terdapat banyak kajian yang dibuat secara teori (model) menunjukkan sumbangan zakat kepada pendapatan negara seperti kajian yang dibuat oleh Zubair (2005), Ausaf (1987), Munawar (1985). Malah sumbangan zakat kepada penggunaan di Malaysia juga ada dilakukan oleh Eko et al. (2013). Namun belum ada kajian dibuat mengenai sumbangan zakat kepada pendapatan negara kecuali satu kajian yang dibuat oleh Muhammad et al. (2014) melihat hubungan zakat dengan pendapatan perkapita di negara Pakistan. Walaupun kutipan zakat di Malaysia masih kecil disebabkan kesedaran yang rendah di kalangan pembayar zakat, berkemungkinan ia tidak dapat menunjukkan sumbangan yang signifikan kepada pendapatan negara. Sekiranya semua pihak yang layak membayar zakat menunaikan tanggung jawab ini berkemungkinan satu sumbangan yang besar dapat dilihat. Walau bagaimana pun dengan apa juga keadaan semasa, kajian ini cuba memenuhi gap di atas iaitu berobjektifkan mengukur sejauh mana zakat berupaya menyumbang kepada pendapatan negara Malaysia.

Kutipan Zakat di Malaysia

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan telah difardukan mulai tahun kedua hijrah Rasulullah S.A.W ke kota Madinah.³ Zakat berperanan membersihkan jiwa dan harta seseorang seseorang dari sesuatu yang haram dimiliki, iaitu hak-hak orang lain yang wajib dikeluarkan daripada harta yang kita miliki. Zakat merupakan ibadah *maaliyyah ijtima'iyah* yang memiliki peranan yang sangat penting, strategik dan penentu,⁴ sama ada dari segi agama Islam itu sendiri serta dari segi pembangunan dan kesejahteraan umat Islam. Oleh itu, zakat dilihat mampu

¹ Perkembangan Ekonomi pada Tahun 2012. Laporan Bank Negara Malaysia.

² Rancangan Malaysia Ke-9, Unit Perancangan Ekonomi.

³ www.izakat.com (Pusat Zakat Melaka)

⁴ Yusuf al-Qaradhawi, *Al-Ibadah fil-Islami* (Beirut:Muassasah Risalah,1993), hlm. 235.

memberi kesan yang besar ke atas pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan kebajikan masyarakat fakir dan miskin khususnya.

Jadual 1 di bawah menunjukkan prestasi kutipan zakat di negeri-negeri di Malaysia. Umumnya berlaku peningkatan kutipan zakat untuk dua tahun yang menunjukkan kesedaran masyarakat untuk menunaikan tanggung jawab zakat bertambah baik di samping mekanisma kutipan yang lebih bagus dan kemas di semua negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 1: Prestasi Perbandingan Kutipan Zakat Negeri

(Tahun 2014 dan 2015)

Negeri	Kutipan Zakat	
	2014	2015
Selangor	582,120,473.00	627,225,101.00
W.Persekutuan	540,795,062.34	565,830,672.18
Johor	211,218,871.25	239,931,006.61
Pahang	109,325,106.94	118,082,517.70
Kedah	128,400,303.04	133,954,548.76
Terengganu	120,116,397.60	126,639,148.45
Kelantan	133,321,295.88	161,908,949.42
Perak	114,588,531.29	132,584,966.22
Pulau Pinang	87,935,987.80	92,844,818.96
Negeri Sembilan	88,200,428.43	95,247,317.97
Sarawak	67,319,511.00	68,573,996.00
Perlis	162,327,654.00	na
Melaka	58,280,964.15	65,968,448.90
Sabah	52,829,145.28	61,795,695.17
Jumlah	3,537,827,310.4	2,490,587,187.54*

Sumber: JAWHAR

Sorotan Literatur

Berdasarkan beberapa pandangan ekonomi konvensional pertumbuhan ekonomi merupakan pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi merupakan pertambahan pendapatan negara perkapita dan melibatkan analisis terutama dari segi kualitatif yang memberi tumpuan kepada hubungan fungsi di antara pembolehubah endogen iaitu melibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Keluaran Negara Kasar (KNK) dan Pendapatan Negara (NI). Menurut Viki (2011) pula pertumbuhan ekonomi menunjukkan sejauh mana aktiviti ekonomi akan menghasilkan tambahan pendapatan bagi masyarakat dalam suatu tempoh tertentu.

Menurut pandangan Smith (1776) dalam bukunya yang bertajuk “*An Inquiry into The Nature and Causes of The Wealth Nation*” terdapat tiga aspek utama dalam pertumbuhan ekonomi iaitu pengumpulan modal, produktiviti buruh dan pertumbuhan penduduk. Pandangan yang hampir sama diberikan oleh David Ricardo menurut Victor (2012) bersetuju pertumbuhan ekonomi melibatkan pertumbuhan penduduk dan pengumpulan modal namun David Ricard mengaitkan dengan keluasan tanah.

Manakala berdasarkan teori Harrod-Domar pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mantap hanya akan tercapai apabila pertumbuhan output sama dengan pertumbuhan modal dan juga berlaku pertumbuhan guna tenaga. Teori pertumbuhan ekonomi Neoklasik berdasarkan Solow (1956) menyatakan pertumbuhan ekonomi dipengaruhi oleh pertumbuhan penduduk, pertumbuhan modal serta kemajuan teknologi dan output yang dihasilkan.

Pandangan konvensional ini berbeza dengan pandangan dalam sistem ekonomi Islam yang tidak hanya mementingkan pertumbuhan material sahaja. Menurut Joni (2008) objektif utama dalam konsep pertumbuhan ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai kebajikan masyarakat dan ia tidak boleh dipisahkan dalam pembangunan negara. Ia mestilah melibatkan pembangunan material dan spiritual.

Justeru, zakat merupakan salah satu alat fiskal yang mampu menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi. Diantara kajian awal yang pernah dilakukan untuk menunjukkan kesan zakat kepada pendapatan negara ditunjukkan oleh kajian Ausaf (1987) dan Zubir (2005). Namun kebanyakan kajian hanya menunjukkan kesan zakat kepada pendapatan negara dalam bentuk model. Kesemua model dilihat berjaya menunjukkan hubungan positif zakat kepada pertumbuhan negara.

Agihan zakat daripada mereka yang membayarnya akan diagihkan kepada kumpulan yang layak menerimanya akan sekaligus meningkatkan kuasa beli mereka. Menurut Eko et al. (2013) apabila golongan penerima zakat menerima tambahan pendapatan mereka akan menggunakan tambahan pendapatan tersebut bagi memenuhi keperluan asas. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan barangan dan seterusnya memberi kesan langsung ke atas pendapatan negara.

Menurut kajian Muhammad et.al (2014) zakat memberi kesan mikroekonomi dan makroekonomi. Ujian yang menggunakan kaedah Ordinary Least Square (OLS) ini melihat kesan zakat terhadap pertumbuhan ekonomi negara Pakistan. Di mana zakat memberi kesan secara signifikan ke atas pertumbuhan ekonomi Pakistan dengan melihat hubungan zakat terhadap KDNK perkapita. Menurutnya, zakat merupakan sumber terpenting bagi menjaga kebajikan negara. Terdapat juga hubungan jangka panjang di antara zakat dengan pertumbuhan ekonomi di negara Pakistan.

Berdasarkan Srea (2012) pula, zakat merupakan satu sistem kewangan yang digunakan untuk menilai pertumbuhan ekonomi. Kajian ini menggunakan dua jenis kaedah perakaunan zakat perniagaan yang biasa diamalkan iaitu Kaedah Modal Kerja Diselaraskan dan Kaedah Modal Pertumbuhan Larasan Kutipan zakat oleh pihak berkuasa. Selain itu, menurut AAOIFI⁵ bagi pengiraan zakat terdapat dua kaedah pengiraan iaitu Kaedah Aset Bersih dan Kaedah Dana Pelaburan Bersih. Hasil kajian mendapati zakat merupakan kaedah yang sangat sesuai digunakan untuk mengukur pertumbuhan ekonomi. Ini bermaksud, apabila pembayar zakat membayar zakat, tahap pertumbuhan ekonomi akan meningkat. Dalam erti kata lainnya, komitmen individu muslim membayar zakat kepada lapan kategori penerima zakat untuk mencapai kestabilan pembangunan dengan pengagihan semula kekayaan di kalangan muslim akan mengurangkan jurang antara golongan kaya dan golongan miskin di dalam masyarakat.

Mohammed (2006) pula mendapati zakat berpotensi sebagai instrument dasar fiskal utama negara Islam. Ini kerana zakat berperanan sebagai penstabil semulajadi, iaitu dengan

⁵ The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution.

melaksanakan dasar menentang kitaran (*countercyclical*) ekonomi, iaitu apabila ekonomi dalam keadaan melambung kutipan zakat akan meningkat, namun kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan zakat bagi mengurangkan inflasi dan secara tidak langsung meningkatkan tabungan zakat di baitulmal. Simpanan sebahagian zakat ketika ekonomi berkembang bertujuan untuk meningkatkan agihan zakat ketika menghadapi ekonomi meleset bagi membolehkan masyarakat berbelanja dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan agregat untuk pendapatan negara.

Kajian lanjutan oleh Mohammed (2012) juga melihat hubungan langsung zakat dengan pertumbuhan ekonomi di Wilayah Persekutuan. Hasil kajian menyatakan zakat mempunyai kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Wilayah Persekutuan. Kajian ini menggunakan pemboleh ubah bersandar Pembetulan Modal Tetap Kasar dan pemboleh ubah bebas zakat. Zakat berupaya mempengaruhi aktiviti ekonomi yang ditunjukkan oleh pertumbuhan KDNK sebenarnya menunjukkan zakat boleh merangsang pertumbuhan ekonomi. Ia juga bermaksud zakat mampu memberi kesan terhadap pembangunan ekonomi umat Islam dalam jangka masa panjang.

Kerangka Teori

Terdapat banyak kajian secara teori yang menunjukkan terdapat hubungan yang positif diantara zakat dan penggunaan negara (C) dan pendapatan negara (Y). Hampir kesemua kajian yang berkaitan dengan perbelanjaan penggunaan akhirnya menerbitkan model pendapatan negara Islam (Y). Kajian-kajian tersebut lazimnya membahagikan penggunaan negara terlebih dahulu kepada dua komponen penggunaan iaitu penggunaan orang kaya yang membayar zakat dan penggunaan orang miskin yang layak menerima zakat. Kesemua kajian membuat andaian golongan miskin hanya bergantung kepada bantuan zakat yang diterima dan mereka mempunyai kecenderungan mengguna sut yang tinggi berbanding orang kaya. Golongan fakir dan miskin pula tidak memiliki lebih pendapatan kerana mereka mengguna hampir sebahagian besar terimaan tersebut untuk terus hidup. Sebahagian daripada dapatan kajian mengenai pendapatan negara setelah mengambil kira sumbangan zakat diringkaskan seperti di bawah;

Jadual 2. Kajian-Kajian Lepas Pengukuran Pendapatan Negara Islam

Pendapatan Negara (Y)	Kajian
$Y = (1-\beta)[a_0 + a_1(Y_u - z + zY_u)]$	Muhammad Fahim (1984)
$Y = \frac{1}{1 - (1-f)c[\beta - \epsilon] + d[(1-\beta) + \epsilon]} [I + (X - M)]$	Munawar (1985)
$Y = \frac{1}{(1-z-\alpha)(1-b)} [a_0 + I_0]$	Ausaf (1987)
$Y = cuY - cuY + Y - \mu Y + \mu zY + I_0 + (X-M)$	Zubair (2005)
$Y = \frac{1}{\mu(1-z)(1-c)} [I + (X - M)]$	Mohammed (2012)
$Y = \frac{1}{1 - (b1\beta(1-\alpha) + bz(1-\beta + \alpha\beta))} [I + (X - M)]$	Jaafar et al. (2011)
$Y = \frac{1}{1 - z(m - z - v)(a - b)} [I + (X - M)]$	Eko et al. (2015)

Metodologi

Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data siri masa tahunan iaitu diambil dari 13 buah negeri di seluruh Malaysia bermula tahun 1991 sehingga tahun 2014 (23 tahun). Data pemboleh ubah bersandar kutipan zakat diambil terus dari Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) manakala data pemboleh ubah bebas diambil dari Laporan Ekonomi Malaysia pelbagai tahun.

Model yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

$$\text{KDNK} = f (M, T, Z) \quad (1)$$

Di mana,

KDNK: Keluaran Dalam Negara Kasar

M : Modal

T : Import Bersih

Z : Zakat

Model persamaan regresi dalam penelitian ini bersandarkan pada model yang pernah digunakan oleh Muhammad et al. (2014).

$$\text{KDNK}_{it} = \beta_0 + \beta_1 M_{it} + \beta_3 T_{it} + \beta_4 Z_{it} + \mu_{it} \quad (2)$$

Persamaan (2) menunjukkan hubungan antara pembolehubah bersandar terhadap pembolehubah bebas.

Di mana:

β_0 :Konstan

β_0 - β_4 : Koefisian Parameter

t : Tahun

M : Modal

T : Import Bersih

Z : Kutipan Zakat dalam Negara.

μ : *error term*

Kesan Zakat Kepada Pertumbuhan Ekonomi

Jadual 3 menunjukkan hasil regresi yang dijalankan iaitu menentukan hubungan pertumbuhan dengan pembolehubah bebas zakat, pembentukan modal dan juga import bersih. Hasil kajian

mendapati ketiga-tiga pembolehubah mempunyai hubungan yang positif dengan ujian *t-test* yang dijalankan. Pembolehubah modal dan import bersih mempunyai hubungan signifikan pada aras keertian 99% mempengaruhi KDNK negara. Bagi hubungan zakat dengan KDNK negara pula menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 95% peratus dengan pekali 0.1177.

Jadual 3: Pekali bagi Zakat dengan Pertumbuhan Ekonomi

PembolehUbah	Pekali	t-statistik	Prob.
Malar	72227250.	0.208617	0.0000
Modal	1.833694	5.522827	0.0000
Import Bersih	2.584108	7.756674	0.0173
Zakat	0.117798	2.596644	0.8369
Adj. R-Square		0.947022	
F-Statistic		138.0484	
Prob(F.Stat)		0.000000	
Durbin-Watson		1.207276	

$$\begin{aligned}
 \text{KDNK}_{it} &= \beta_0 + \beta_1 M_{it} + \beta_3 T_{it} + \beta_4 Z_{it} + \mu_{it} \\
 &= 7227150.0 + 1.8336M_{it} + 2.5841T_{it} + 0.1177Z_{it} \\
 &\quad (0.2086) \quad (5.5228) \quad (7.7566) \quad (2.5966)
 \end{aligned}$$

$$R^2 = 0.95 \quad F = 138.0484$$

Hasil kajian menunjukkan zakat memberikan kesan positif ke atas KDNK negara Malaysia. Namun zakat hanya memberi kesan yang kecil iaitu 0.1177. Ini membawa maksud 1 peratus peningkatan pertambahan kutipan zakat akan meningkatkan 0.1177 peratus ke atas pendapatan negara. Boleh dinyatakan setiap tambahan zakat RM1.17 akan berlaku apabila berlaku peningkatan RM1,000.00 pendapatan negara. Nilai RM 1.17 dapat disimpulkan nilai yang kecil dalam menyumbang kepada pendapatan negara berbanding dengan kesan pelaburan dan dagangan masing-masing bernilai RM18.33 dan RM25.84. Ini menunjukkan sumbangan kutipan zakat masih rendah berbanding dengan jumlah keseluruhan pendapatan negara.

Secara umumnya, kesan zakat terhadap pendapatan negara berdasarkan pekali bagi pemboleh ubah zakat ialah 0.1177 menunjukkan kutipan zakat bagi seluruh negeri di Malaysia masih kecil. Kutipan zakat yang diperoleh merupakan amaun kecil jika dibandingkan dengan jumlah rakyat Malaysia di negara ini. Jumlah populasi penduduk yang beragama Islam ialah 61.3% daripada populasi keseluruhannya. Jika dilihat jumlah tenaga buruh yang berkerja bagi kaum Melayu yang hampir keseluruhannya beragama Islam ialah seramai 5,402,146 orang.

Kedua, kesan zakat yang kecil kepada pertumbuhan negara juga disebabkan kutipan penuh secara menyeluruh belum lagi dapat dicapai. Kutipan yang kurang menyebabkan keutamaan agihan hanya kepada keperluan asas golongan miskin. Akta rebat cukai bagi syarikat korporat yang membayar zakat juga kurang menggalakkan semua syarikat berkelayakan membayar zakat. Ini adalah kerana kutipan zakat yang lebih besar mampu memberi kesan yang lebih tinggi kepada pendapatan negara.

Kesimpulan

Zakat merupakan salah satu instrumen fiskal yang penting dalam Sistem Ekonomi Islam yang secara tidak langsung mampu menyumbang kepada pendapatan negara. Peranan zakat bukan sahaja terhad kepada peningkatan perbelanjaan individu fakir miskin bahkan menyumbang kepada penggunaan agregat dan seterusnya pendapatan negara dalam jangka masa panjang. Sumbangan penggunaan fakir miskin dan lain-lain asnaf tidak sepatutnya dinafikan kerana usaha membangunkan dan memajukan sesebuah masyarakat atau negara memerlukan kepada pengembelengan usaha di peringkat individu, isi rumah dan firma serta kerajaan (Nik Mustapha 2001).

Zakat memberi kesan kepada pertumbuhan negara, namun kesannya adalah kecil disebabkan kutipan zakat yang masih rendah. Kutipan zakat yang lebih efisien mampu memberikan sumbangan yang lebih besar kepada pendapatan negara. Justeru, peranan institusi zakat bahagian kutipan di setiap negeri adalah sangat penting. Bahkan agihan zakat juga penting kepada golongan sasaran supaya mereka boleh berbelanja. Mekanisma menambah kutipan dan mengagih dengan baik sangat mempengaruhi penggunaan fakir miskin supaya mereka berbelanja. Perbelanjaan ini akhirnya dimasukkan dalam komponen Perbelanjaan (C) Pendapatan Negara.

Kedua, untuk meningkatkan hasil kutipan zakat di Malaysia, rebat cukai bukan sahaja perlu diberikan ke atas individu pembayar zakat pendapatan bahkan ke atas pembayar zakat perniagaan perlu diaktakan. Kerana hasil keuntungan ekuiti syarikat adalah besar. Maka jumlah zakat yang boleh disalurkan untuk penggunaan fakir miskin akan bertambah banyak. Pendidikan dan dakwah perlu diteruskan supaya kesedaran mengenai tanggung jawab berzakat dirasai oleh semua individu dan syarikat yang layak membayarnya. Impak zakat kepada pendapatan negara perlu ditonjolkan supaya golongan ini lebih merasai hasil sumbangan zakat mereka.

Rujukan

- Ausaf, A. (1987). *Income Determination in An Islamic Economy*. Jeddah: King Abdul Aziz University
- Eko, S., Radiah, A. K., & Azhar H. (2013). The Impact of Zakat on Aggregate Consumption in Malaysia. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*. 9(1), 39-62.
- Jaafar, A., Sanep, A., & Hairunnizan, W., (2011). *Ekonomi Islam: satu pendekatan analisis*. Bangi: Penerbit UKM.
- Joni, T. B. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 27, 93-107.
- Muhammad Fahim, K. (1984). Macro Consumption Function in an Islamic Framework. *Journal Research Islamic Economics*. 1(2), 3-25.
- Muhammad, A., Nasir, I., & Muhammad, T. (2014). Zakat and Economic Development: Micro and Macro Level Evidence from Pakistan. *Bulletin of Business and Economics*, 3(2), 85-95.
- Mohammed, Y. (2006). Fiscal Policy In An Islamic Economic and The Role Of Zakat. *Journal of Economics & Management*, 14(2), 117-145.

- Mohammed, Y. (2010). An Analysis of Zakat Expenditure and Real Output: Theory and Evidence. *IJUM Journal of Economics & Management*, 18 (2),139-160.
- Mohammed, Y. (2012). Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. 4(8),449-456.
- Mohd Faisol, I., & Suhaina, M. (2010). *Zakat dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Monzer, K. (2000). Zakah Management In Some Muslim Societies, Background Paper No.11, Islamic Research and Training Institute (IRTI), Jeddah.
- Munawar, I. (1985). Macro Consumption Theory in an Islamic Economic Framework.
- Nik Mustapha, N. H. (2002). Kedudukan dan Peranan Sektor Awam dan Swasta dalam Ekonomi Islam. Dlm. Nik Mustapha, N. H. (Ed). *Ekonomi Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia* (ms.53-73).
- Patamawati, H. I. (2006). *The Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor*. Unpublished Doctoral Theses, University Putra Malaysia.
- Sollow, M.S. (1966). A Contribution to The Theory of Economic Growth. *The Quarterly Journal of Economics*, 70(1),65-94.
- Srea, A. (2012). Zakat as a Benchmark to Evaluate Economic Growth: An Alternative Approach. *International Journal of Business and Social Science*, 3(18), 24-45.
- Smith, A. (1776). *An Inquiry Into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*. www.feedbooks.com. Localised 2nd. Feb 2016.
- Victor, L. 2012. *The Classical Approach to Capital Accumulation: Classical Theory of Economic Growth*. Unpublished Bachelor Thesis, University UMEA.
- Viki, I. (2011). *Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pertumbuhan Ekonomi Provinsi Jawa Tengah*. Tesis Sarjana Tidak Terbit, Semarang Indonesia.
- Zubir, H., (2005). *Treatment of Consumption in Islamic Economics : An Appraisal*. [http:// mpra.ub.uni-muenchen.de/3059](http://mpra.ub.uni-muenchen.de/3059). Localised 28th. Dis 2017
- Abdullah, A. A., & Haan, M. H. (2012). Internal success factor of hotel occupancy rate. *International Journal of Business and Social Science*, 3(22).